

Usul seragam agensi kerajaan elak fungsi bertindih ke Kabinet

Pembentangan dalam masa terdekat antara usaha laksana reformasi institusi

Oleh Mohd Iskandar Ibahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Usul bagi menyergamkan beberapa agensi kerajaan bagi mengelak fungsi bertindih akan dibentang dan diputuskan pada mesyuarat Kabinet dalam tempoh terdekat, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, ia adalah sebahagian daripada usaha kerajaan dalam melaksanakan reformasi institusi yang harus dilaksanakan.

“Bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Datuk Seri Asri Hamidon) sudah saya tugaskan untuk memberi beberapa usul bagi menyeragamkan beberapa agensi dan dibawa kepada Ketua Setiausaha Negara, (Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar).

“Saya akan memutuskan selepas dibentangkan ke mesyuarat Jemaah Menteri dalam masa singkat,” katanya berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan, di sini semalam.

Pada 3 September tahun lalu, Perdana Menteri mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Khas Rasionalisasi Badan Berkanun Persekutuan bagi menangani isu pertindihan fungsi badan berkanun, sekali gus disasar dapat memberi penjimatan dana negara.

Jawatankuasa itu akan bertugas serta-merta dalam usaha kerajaan melaksanakan *reform*



atau pembaharuan membabitkan perkhidmatan awam.

Susulan itu, Ketua Setiausaha Negara mengumumkan Asri dilantik untuk mengetuai jawatankuasa berkenaan.

Dalam pada itu, Perdana Menteri mengarahkan mana-mana agensi kerajaan supaya tidak lagi menubuhkan syarikat di bawahnya tanpa kelulusan peringkat tertinggi.

Jelasnya, ia kerana terdapat ribuan syarikat berkenaan yang mencatatkan kerugian besar.

“(Jika kita) memutuskan membatalkan (syarikat ini), ia bukan perkara mudah, tetapi jika wajib kita lakukan, kita harus lakukan kerana ia memaknai reformasi institusi,” katanya.

Arah perluas iPayment

Dalam pada itu, Perdana Menteri juga mengarahkan pelaksanaan Sistem Terimaan Elektronik Kerajaan Persekutuan (iPayment) yang dilancarkan semalam, diperluaskan ke semua kementerian dan jabatan mulai awal bulan depan berbanding April ini.

Katanya penggunaan sistem terbabit perlu disegerakan bagi membolehkan rakyat menikmati manfaat dan pembaharuan yang

dilaksanakan kerajaan.

“Harus diingat bahawa ukuran akhirnya ialah bagaimana majoriti rakyat mengecapi nikmat pembaharuan reformasi yang kita bicarakan.

“Sebab itu saya gesa supaya program (sistem) iPayment ini dipercepatkan dari unjuran jadual akhir, iaitu pada April, kepada awal Mac ini,” katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri menyempurnakan Majlis Peluncuran iPayment yang turut dihadiri, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz.

Sistem iPayment disediakan untuk kegunaan agensi Kerajaan Persekutuan yang masih belum mempunyai sistem terimaan elektronik bagi menguruskan pembayaran oleh orang awam terhadap perkhidmatan yang ditawarkan kerajaan.

iPayment adalah inisiatif pembayaran di bawah Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) dan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025.